From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAMBUTAN HANGAT UIN PALANGKA RAYA SERLAH KEAKRABAN KERJASAMA AKADEMIK DENGAN UUM
Date: Wednesday, 2 September, 2026 4:49:54 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah
Gambar oleh: Ihsan UIN Palangka Raya

SAMBUTAN HANGAT UIN PALANGKA RAYA SERLAH KEAKRABAN KERJASAMA AKADEMIK DENGAN UUM



UUM ONLINE: Indonesia – Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kunjungan akademik ke Universitas Islam Negeri (UIN) Palangka Raya sebagai kesinambungan hubungan dan jalinan kerjasama yang telah terjalin antara kedua-dua institusi sejak tahun 2015.

Delegasi SOL UUM diketuai oleh Dekan, Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab bersama Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah.

Kunjungan SOL UUM ini merupakan kunjungan balas susulan lawatan pihak UIN Palangka Raya ke UUM pada Mei 2026 yang lalu yang diketuai oleh Rektor UIN Palangka Raya, Prof. Dr. H. Ahmad Dakhoir, S.H.I., M.H.I., dan turut disertai oleh Wakil Rektor Bidang Kewangan dan Perencanaan, Prof. Dr. Syaikhu, M.H., serta beberapa orang pensyarah daripada Fakultas Syariah.

Kunjungan ini turut memberi makna yang istimewa berikutan perkembangan dan pencapaian besar yang telah diraih oleh institusi tersebut dalam tempoh kebelakangan ini.



UIN Palangkaraya yang pada asalnya dikenali sebagai Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Palangka Raya telah berjaya memperoleh Akreditasi Unggul pada 6 Mei 2025**.** Pencapaian tersebut mencerminkan pengiktirafan terhadap kualiti dan kecemerlangan institusi dalam aspek akademik serta pengurusan pendidikan tinggi.

Dua hari selepas memperoleh Akreditasi Unggul iaitu pada 8 Mei 2025**,** IAIN Palangka Raya telah mendapat status universiti secara rasmi dan seterusnya dikenali sebagai Universitas Islam Negeri (UIN) Palangka Raya**.**

Perkembangan ini menandakan satu pencapaian penting dalam sejarah institusi tersebut dan membuka ruang yang lebih luas kepada pengembangan bidang akademik, penyelidikan serta jaringan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ketibaan delegasi SOL UUM telah disambut dengan penuh kemeriahan dan keakraban oleh Rektor UIN Palangkaraya bersama barisan Wakil Rektor serta Dekan Fakultas di UIN Palangkaraya.



Sambutan yang meraikan kedatangan wakil dari SOL mencerminkan hubungan erat dan semangat persahabatan akademik yang telah dibina antara kedua-dua institusi sejak lebih sedekad yang lalu.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak turut membincangkan peluang untuk memperkukuh kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua institusi.

Rektor UIN Palangkaraya turut menyatakan hasrat untuk memperluaskan lagi hubungan strategik dengan Universiti Utara Malaysia melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU). Hasrat tersebut dilihat sebagai satu langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan institusi yang telah terjalin sejak tahun 2015 serta membuka ruang kepada pelaksanaan kerjasama yang lebih tersusun dan berimpak pada masa akan datang.



Dr. Harlida berkata, kunjungan ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen SOL UUM dalam memperkukuhkan jaringan antarabangsa, khususnya dengan institusi pengajian tinggi di Indonesia, malah turut menjadi platform penting untuk bertukar pandangan dan amalan terbaik dalam pendidikan undang-undang serta meneroka peluang kerjasama baharu antara kedua-dua institusi.

Hubungan yang telah dibina sejak tahun 2015 ini diharapkan akan terus berkembang dan diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif akademik dan institusi, selaras dengan aspirasi SOL UUM untuk memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa serta meningkatkan keterlihatan dan impak akademik di peringkat serantau.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.